

KEPELBAGAIAN PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA ARAB (SPBA) DALAM KALANGAN PELAJAR IPT KELANTAN

Linamalini Mat Nafi [1], Kamarul Shukri bin Mat Teh [2]

ABSTRACT

This study is aimed at exploring the Arabic language learning strategies (LLS) employed by students of higher learning institutions in Kelantan when learning Arabic language. It is also aimed at identifying the significant differences in using LLS based on the types of institution. It involved 200 students in semester three from two institutions (100 participants from KIAS and 100 participants from APIUM). This quantitative survey used a questionnaire adapted from SILL (Oxford, 1990) with the addition of a metaphysical construct (Kamarul Shukri, 2009). Mean and standard deviation were applied to investigate the usage of LLS among the respondents. Meanwhile, *t*-test was applied to see whether there is a significant difference in using LLS based on type of institution. Results show that the LLS usage by students was average. Metaphysical strategy is frequently used by the students, whereas memory strategy is least used by them. It also shows that there is no significant difference in using LLS based on type of institution.

Keywords: *Strategy, language learning, metaphysical strategy, higher learning institution*

[1] Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
vna3172@gmail.com

[2] Universiti Darul Iman Malaysia,
kamarul@unisza.edu.my

PENDAHULUAN

Suatu fenomena yang pada kebiasaannya berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam pembelajaran bahasa adalah sebilangan pelajar didapati sentiasa berjaya berbanding pelajar yang lain. Antara bentuk-bentuk kejayaan yang boleh dilihat ialah kemajuan mereka begitu cepat, mereka mudah menguasai perkataan dan ayat baru atau mereka juga sering mencapai keputusan yang cemerlang dalam ujian bahasa. Selain faktor kebolehan semula jadi yang ada dalam diri mereka, terdapat beberapa faktor lain yang boleh mempengaruhi pencapaian ini. Antara faktor tersebut ialah penggunaan strategi pembelajaran bahasa (SPB) (Chamot, 1993; Dreyer & Oxford, 1996; Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2009). Senario tersebut menyebabkan bidang penyelidikan pembelajaran bahasa asing mula memberi fokus terhadap strategi pembelajaran dan perbezaan individu pelajar (Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2010; Rubin, 1987). Maka tidak hairanlah kajian mengenai SPB menjadi salah satu bidang penyelidikan bahasa yang begitu subur dan aktif sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2010; MacIntyre, 1994).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pelbagai kajian yang dijalankan mendapati bahawa tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Malaysia masih berada pada tahap yang kurang memuaskan berbanding dengan pembelajaran bahasa asing/kedua di Malaysia (Nik Mohd Rahimi et al., 2006). Kajian oleh Muhammad (2009) dalam kalangan pelajar universiti-universiti tempatan turut mengesahkan masalah penguasaan pelajar dalam penggunaan bahasa Arab. Abdul Halim (2009) juga mendapati tahap penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA tempatan adalah rendah sama ada di dalam atau pun di luar bilik darjah. Banyak faktor yang menghalang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut.

Kelemahan dari sudut amalan pedagogi yang diamalkan oleh para pengajar bahasa Arab juga mempengaruhi faktor tersebut. Lebih malang lagi apabila terdapat pengajar bahasa Arab ini kurang

berkemahiran dari segi penguasaan bahasa tersebut (Linamalini, 2001). Malah kebanyakan mereka bukanlah daripada golongan yang mempunyai pengkhususan dalam bidang bahasa Arab. Justeru, kajian seumpama ini sedikit sebanyak akan membantu para pengajar bahasa tersebut untuk mengenal pasti strategi-strategi yang telah terbukti berkesan dan berjaya dalam pembelajaran bahasa Arab. Di samping itu, mereka dapat menyesuaikan teknik pengajaran mereka dengan teknik pembelajaran pelajar, sekali gus menjadikan proses P&P bahasa Arab lebih menarik, efektif dan menyeronokkan.

Selain itu, kurang keyakinan untuk menggunakan bahasa tersebut, takut berlaku kesilapan ketika menggunakan bahasa tersebut serta teknik pembelajaran bahasa yang lemah turut mempengaruhi faktor tersebut (Abdul Halim, 2009). Menurut Nik Mohd Rahimi et al. (2008), selain daripada kelemahan dalam amalan pedagogi serta kelemahan dalam penggunaan alat bantu mengajar, kelemahan dalam menggunakan SPB serta kekurangan pengetahuan mengenai SPB dalam kalangan pelajar juga menjadi faktor penghalang kepada keberkesanan proses P&P bahasa Arab.

Kajian yang dijalankan oleh Kamarul Shukri dan Mohamed Amin (2010) mendapati bahawa pelajar cemerlang bahasa menggunakan SPB tertentu dalam pembelajaran mereka. Namun begitu, sebahagian daripada strategi tersebut tidak dapat diperhatikan lebih-lebih lagi strategi yang digunakan ketika belajar di luar bilik darjah. Mereka juga kurang berkongsi maklumat berkaitan dengan strategi pembelajaran yang mereka gunakan. Oleh itu, maklumat serta kefahaman tentang peranan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar cemerlang bahasa menjadi satu perkara yang penting untuk dikaji.

Kajian mengenai SPB yang memberi fokus kepada pembelajaran bahasa Arab masih kurang dijalankan dalam kalangan pelajar IPT di Kelantan. Dalam kata lain kajian ini boleh dianggap sebagai perintis kepada kajian strategi pembelajaran bahasa yang memberi fokus kepada pembelajaran bahasa Arab di Kelantan. Dengan adanya kajian seumpama ini secara tidak langsung akan dapat menyumbangkan sesuatu yang bermakna kepada semua yang terlibat dengan pengajaran bahasa Arab terutamanya penggubal-penggubal kurikulum bahasa Arab di IPT Kelantan. Bertolak daripada faktor-faktor tersebut, maka kajian berhubung dengan SPB dalam kalangan pelajar-pelajar IPT Kelantan dirasakan penting untuk dijalankan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai objektif-objektif berikut:

1. Mengetahui jenis SPB yang digunakan oleh pelajar IPT Kelantan ketika mempelajari bahasa Arab dan kekerapan penggunaannya.
2. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan signifikan pada tahap penggunaan SPB berdasarkan jenis IPT.

HIPOTESIS KAJIAN

Ho.1 Tidak terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan jenis IPT.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kuantitatif yang dilaksanakan menerusi kaedah tinjauan deskriptif secara deduktif (Neuman, 1993). Populasi kajian ini ialah kumpulan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) Kelantan iaitu 313 pelajar semester tiga daripada dua buah IPT yang terpilih iaitu Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) Nilam Puri. Berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) dan disokong oleh panduan yang dikemukakan oleh Gay dan Airasian (2003), bilangan sampel yang diperlukan oleh kajian ini adalah seramai 175 orang pelajar. Namun, untuk lebih meningkatkan ketepatan dapatan penyelidikan maka saiz sampel telah ditingkatkan kepada 200 orang pelajar. Teknik pensampelan rawak berstrata tidak berdasarkan nisbah telah digunakan dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik strategi pembelajaran bahasa Arab (SPBA) yang diadaptasikan daripada soal selidik *Strategy Inventory For Language Learning* (SILL) versi 7.0 (Oxford, 1990) bagi tujuan memperoleh

data dengan penambahan konstruk metafizik (Kamarul Shukri, 2009). Bagi mengukur tahap penggunaan SPB, soal selidik ini menggunakan kaedah penginterpretasian yang dikemukakan oleh Oxford (1990) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Interpretasi Oxford (1990) Bagi Tahap Penggunaan SPB

Interpretasi	Skala	Kenyataan Perlakuan	Skor Min
Tinggi	1	Sentiasa benar tentang diri saya	4.5 hingga 5.0
	2	Selalunya benar tentang diri saya	3.5 hingga 4.4
Sederhana	3	Biasanya benar tentang diri saya	2.5 hingga 3.4
Rendah	4	Biasanya tidak benar tentang diri saya	1.5 hingga 2.4
	5	Tidak pernah benar tentang diri saya	1.0 hingga 1.4

Indeks kebolehpercayaan keseluruhan item instrumen SPBA adalah .944. Indeks kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah tinggi dan boleh diterima pakai bagi menjalankan ujian sebenar (Mohd Majid, 2000; Sekaran, 1992).

Kajian ini menggunakan ujian deskriptif dan ujian inferensi bagi mencapai objektif kajian. Statistik deskriptif min dan sisihan piawai pula digunakan untuk melihat serta mengenal pasti jenis dan tahap SPB yang digunakan oleh responden, manakala ujian-*t* pula digunakan untuk mencapai objektif kajian kedua.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menilai 10 peratus strategi yang paling kerap dan paling kurang digunakan oleh pelajar IPT Kelantan ketika mempelajari bahasa Arab. Jadual 2 memaparkan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa 10% strategi yang paling kerap digunakan ialah item s62 "saya meminta ampun daripada kedua ibu bapa sebelum menduduki peperiksaan dan meminta mereka mendoakan saya" ($M = 4.23$, $SP = .027$), item s57 "saya berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran dan al-Hadith" ($M = 3.69$, $SP = 0.89$), item s26 "saya meneka makna perkataan-perkataan yang saya tidak fahami berdasarkan konteks ayat atau situasi perbualan" ($M = 3.47$, $SP = 0.92$), item s58 "saya membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul atau melancarkan sebutan bahasa Arab saya" ($Min = 3.44$, $SP = 0.98$), item s61 "saya meminta restu daripada guru sebelum menduduki peperiksaan" ($Min = 3.43$, $SP = 1.13$), dan item s48 "saya meminta si penutur bahasa Arab memperlahan, mengulang, atau menjelas semula apa yang telah diperkatakan sekiranya saya tidak memahami sesuatu" ($M = 3.36$, $SP = 1.02$). Sebanyak dua item strategi metafizik berada pada tahap penggunaan tinggi manakala dua item strategi lagi berada pada tahap penggunaan yang sederhana, manakala satu item strategi tampungan berada pada tahap penggunaan yang sederhana dan satu item strategi sosial juga berada pada tahap sederhana.

Jadual 2

Min dan Sisihan Piawai 10% Strategi Paling Kerap Digunakan (N = 200)

No Item	Strategi	Min	SP	Kategori Strategi	Interpretasi
s62	saya meminta ampun daripada kedua ibu bapa sebelum menduduki peperiksaan dan meminta mereka mendoakan saya	4.23	1.02	Metafizik	Tinggi
s57	saya berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al-Quran dan al-Hadith	3.69	0.89	Metafizik	Tinggi
s26	saya meneka makna perkataan-perkataan yang saya tidak fahami berdasarkan konteks ayat atau situasi perbualan	3.47	0.92	Tampungan	Sederhana
s58	saya membaca al-Quran setiap hari untuk memperbetul atau melancarkan sebutan bahasa Arab saya	3.44	0.98	Metafizik	Sederhana

s61	saya meminta restu daripada guru sebelum menduduki peperiksaan	3.43	1.13	Metafizik	Sederhana
s48	saya meminta si penutur bahasa Arab memperlahan, mengulang, atau menjelas semula apa yang telah diperkatakan sekira saya tidak memahami sesuatu	3.36	1.02	Sosial	Sederhana

Jadual 3 pula menunjukkan bahawa sebanyak enam strategi yang paling kurang digunakan ialah item s45 "saya meluahkan perasaan saya tentang pembelajaran bahasa Arab dalam diari" ($M = 1.64$, $SP = 0.98$), item s7 "saya menggunakan kad imbasan untuk mengingati perkataan baru" ($M = 1.97$, $SP = 0.97$), item s19 "saya menulis nota, mesej, surat atau laporan dalam bahasa Arab" ($M = 2.11$, $SP = 0.94$), item s18 "saya membaca bahan-bahan berbahasa Arab untuk hiburan. Contoh: membaca buku cerita, majalah atau surat khabar Arab" ($M = 2.12$, $SP = 0.91$), item s6 "saya menggunakan kaedah rima (bunyi bersajak) untuk mengingati perkataan baru. Contoh:" ($M = 2.19$, $SP = 1.09$), item s43 "saya mempelajari tentang budaya Arab" ($M = 2.21$, $SP = 1.00$), dan item s53 "saya memberi ganjaran atau hadiah kepada diri sendiri apabila saya mencapai sesuatu yang membanggakan dalam pembelajaran bahasa Arab" ($M = 2.21$, $SP = 1.09$). Keenam-enam item strategi yang paling kurang digunakan oleh pelajar IPT Kelantan ketika mempelajari bahasa Arab adalah berada pada tahap penggunaan yang rendah.

Jadual 3

Min dan Sisihan Piawai 10% Strategi Paling Kurang Digunakan (N=200)

No Item	Strategi	Min	SP	Kategori Strategi	Interpretasi
s45	saya meluahkan perasaan saya tentang pembelajaran bahasa Arab dalam diari	1.64	0.98	Afektif	Rendah
s7	saya menggunakan kad imbasan untuk mengingati perkataan baru	1.97	0.97	Memori	Rendah
s19	saya menulis nota, mesej, surat atau laporan dalam bahasa Arab	2.11	0.94	Kognitif	Rendah
s18	saya membaca bahan-bahan berbahasa Arab untuk hiburan. Contoh: membaca buku cerita, majalah atau surat khabar Arab	2.12	0.91	Kognitif	Rendah
s6	saya menggunakan kaedah rima (bunyi bersajak) untuk mengingati perkataan baru. Contoh:	2.19	1.09	Memori	Rendah
s53	saya mempelajari tentang budaya Arab	2.21	1.00	Sosial	Rendah

Kajian ini turut menilai min bagi setiap kategori strategi utama. Hasil kajian mendapati bahawa kategori yang paling kerap digunakan adalah Strategi Metafizik (Min = 3.31, $SP = 0.72$) pada tahap sederhana. Ini diikuti oleh Strategi Tampungan (Min = 3.15, $SP = 0.75$) yang juga pada tahap sederhana. Kemudian diikuti oleh Strategi Sosial (Min = 2.80, $SP = 0.74$) juga pada tahap sederhana. Seterusnya Strategi Afektif (Min = 2.76, $SP = 0.69$), diikuti oleh Strategi Metakognitif (Min = 2.75, $SP = 0.72$), Strategi Kognitif (Min = 2.66, $SP = 0.63$) dan Strategi Memori (Min = 2.61, $SP = 0.66$) yang kesemuanya juga pada tahap penggunaan sederhana. Kajian ini juga mendapati tiada satu pun kategori strategi utama yang digunakan oleh para pelajar berada pada tahap penggunaan yang tinggi. Selain itu, tiada satu pun kategori strategi utama yang digunakan oleh para pelajar berada pada tahap penggunaan yang rendah. Min, sisihan piawai dan interpretasi tahap penggunaan SPB berdasarkan kategori utama SPB adalah sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual 4.

Jadual 4

Min dan Sisihan Piawai Tahap Penggunaan Penggunaan SPB Berdasarkan Kategori Utama (N=200)

Strategi Utama	Min	S.P	Interpretasi
Metafizik	3.31	0.72	Sederhana
Tampungan	3.15	0.75	Sederhana
Sosial	2.80	0.74	Sederhana
Afektif	2.76	0.69	Sederhana
Metakognitif	2.75	0.72	Sederhana

Kognitif	2.66	0.63	Sederhana
Memori	2.61	0.66	Sederhana
Keseluruhan Strategi	2.83	0.56	Sederhana

Seterusnya, min bagi penggunaan strategi secara keseluruhan adalah $M = 2.83$, $SP = 0.56$ sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 4. Ini menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan SPB adalah berada pada tahap sederhana. Ia menggambarkan bahawa penggunaan SPB secara keseluruhan adalah merupakan perlakuan tindakan yang membawa maksud "biasanya benar tentang diri saya" iaitu kenyataan ini adalah lebih kurang separuh (50%) berlaku pada diri pelajar.

Jadual 5 memaparkan keputusan ujian-t terhadap perbezaan tahap penggunaan SPB berdasarkan jenis IPT. Hasil ujian yang dijalankan mendapati min skor penggunaan SPB pelajar KIAS ialah $M = 178.69$ dan sisihan piawainya adalah 35.37. Manakala min skor bagi pelajar APIUM pula ialah $M = 173.02$ dan sisihan piawainya adalah 35.04. Hasil ujian ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan SPB pelajar KIAS adalah lebih tinggi berbanding pelajar APIUM. Nilai t ($N = 200$) yang diperolehi ialah 1.139 dan nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.256 adalah lebih besar daripada nilai alpha 0.05. Paras signifikan dalam kajian ini adalah $p < 0.05$. Ini menunjukkan pernyataan "tidak terdapat perbezaan signifikan pada penggunaan SPB berdasarkan jenis IPT" di dalam hipotesis nul yang dibentuk tidak berjaya ditolak.

Jadual 4.37

Ujian-t Bagi Tahap Penggunaan SPB Berdasarkan Jenis IPT (N=200)

Pemboleh Ubah Bersandar	Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Sig
Penggunaan SPB	KIAS	100	178.69	35.37	1.139	0.256
	APIUM	100	173.02	35.04		

Oleh yang demikian, apa yang dapat disimpulkan di sini adalah tidak terdapat perbezaan signifikan pada tahap penggunaan SPB berdasarkan jenis IPT. Manakala nilai min yang tinggi oleh pelajar KIAS ($M = 178.69$) bahawa mereka lebih banyak menggunakan SPB berbanding pelajar APIUM ($M = 173.02$).

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa pelajar IPT Kelantan secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Purata kekerapan penggunaan SPB keseluruhan ($M = 2.83$) adalah sederhana berbanding dengan kajian lain yang dilakukan di Malaysia (Kamarul Shukri, 2009). Namun begitu, ia selari dengan kajian yang dijalankan oleh Kamarul Shukri et al. (2013) yang dijalankan ke atas pelajar UniSZA, Soleh (2011) dan Nurazan (2004).

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi dapatan tersebut. Antara faktor-faktor yang menyebabkan tahap penggunaan SPB secara keseluruhan yang sederhana ialah sikap pelajar terhadap bahasa Arab. Sikap pelajar terhadap sesuatu bahasa dan pembelajarannya menjadi penentu kepada pemilihan strategi yang bakal digunakan dalam pembelajaran mereka (Kuntz, 1996). Menurut Zulkifley (1994), faktor sikap dan motivasi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua. Nurazan (2004) juga mendapati bahawa sikap pelajar terhadap bahasa Arab mempengaruhi penggunaan SPB. MacIntyre dan Noels (1996) berpandangan bahawa antara faktor yang menghasilkan penggunaan strategi yang lebih kerap ialah kesungguhan pelajar dalam pembelajaran bahasa.

Selain itu, guru dan pensyarah juga turut memainkan peranan utama dalam mempengaruhi penggunaan SPB. Kekurangan maklumat berkenaan dengan SPB dalam kalangan guru dan pensyarah turut mempengaruhi penggunaan SPB para pelajar. Malah, strategi pengajaran yang digunakan oleh para guru dan pensyarah juga hendaklah selari dengan strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh para pelajar. Kecenderungan para guru menggunakan kaedah pengajaran yang berpusatkan guru dan kurangnya penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran menyebabkan pelajar kurang terdedah kepada penggunaan SPB (Ab. Halim, 2005; Hassan Basri, 2003).

Sistem pembelajaran yang berorientasi peperiksaan dalam sistem pendidikan di Malaysia juga mempengaruhi tahap penggunaan SPB pelajar yang sederhana. Para guru perlu menghabiskan silibus dalam

jangka masa yang telah ditentukan. Mereka lebih banyak berusaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran serta memberi keutamaan kepada keputusan yang baik dalam peperiksaan. Para pelajar pula lebih fokus kepada mendapat keputusan yang cemerlang atau lulus dalam peperiksaan; mereka lebih cenderung untuk mencapai matlamat mereka dalam peperiksaan sehingga mengabaikan aspek pembinaan bahasa. Keadaan ini sekali gus mempengaruhi pemilihan dan penggunaan SPB dalam kalangan pelajar.

Kedudukan bahasa Arab dalam konteks pendidikan di Malaysia juga mempengaruhi faktor tersebut. Dalam konteks pendidikan di Malaysia amnya, bahasa Arab dianggap sebagai bahasa asing. Sebenarnya status dan kedudukan ini sangat penting dalam menentukan hala tuju dan masa depan bahasa Arab di Malaysia (Muhammad Fauzi, 2010). Masyarakat Malaysia, khususnya umat Islam, masih mempunyai persepsi yang kurang jelas tentang pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di Malaysia (Ab. Halim, 2007). Para pelajar bahasa Arab di Malaysia berada dalam suasana sumber input bahasa yang miskin berbanding dengan bahasa Melayu dan Inggeris. Persekitaran bahasa Arab yang lemah, tahap penggunaannya yang rendah, dan perasaan malu untuk berbahasa Arab menjadi halangan untuk mewujudkan sumber input bahasa di mana input bahasa Arab kebiasaannya terhad kepada bilik darjah. Senario ini memberi kesan yang besar kepada penggunaan SPB dalam pembelajaran bahasa Arab mereka.

Ketiadaan perbezaan yang signifikan pada penggunaan SPB oleh pelajar berdasarkan jenis IPT menunjukkan bahawa jenis IPT bukanlah menjadi faktor kepada penggunaan SPB dalam kalangan pelajar. Selain itu, pelajar-pelajar KIAS dan APIUM didapati menggunakan SPB pada tahap sederhana. Kumpulan pelajar di kedua-dua institusi ini juga didapati paling kerap menggunakan strategi metafizik dan tampungan, manakala strategi yang paling kurang digunakan adalah strategi kognitif dan memori. Pada dasarnya, pengkaji tidak menemui kajian yang secara khusus melihat kepada tahap penggunaan SPB berdasarkan jenis IPT. Oleh itu, pengkaji merasakan kajian seperti ini wajar dikembangkan di institusi-institusi pengajian tinggi yang lain sama ada institusi awam mahupun swasta.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, semua pelajar menggunakan strategi ketika mempelajari bahasa Arab. Walau bagaimanapun, penggunaan SPB pelajar secara keseluruhan adalah sederhana. Strategi metafizik merupakan strategi yang paling kerap digunakan oleh pelajar, manakala strategi memori pula adalah strategi yang paling kurang digunakan oleh mereka. Jenis IPT bukanlah faktor penting yang mempengaruhi penggunaan SPB dalam kalangan pelajar.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohamad. (2007). Masalah Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Bacelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam ke-4* (hh. 1-13). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap Komunikasi Dalam Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1 (1), 1-14.
- Abu Bakar Ahmad. (2002). *Language learning strategies employed by TESL trainee teachers at Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban*. Academic Project. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Talib Abdullah. (1998). *Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Empat Daerah Johor Bharu*. Kertas Projek 1 & 2 Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anida Abdul Rahim. (2003). *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chamot, A.U. (1987). Student responses to learning strategy instruction in foreign language classroom. *Foreign Language Annals*, 26, 308-321.

- Chua Yan Piaw. (2008). *Asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mac Graw-Hill Education.
- Cohen, L. & Manion, L. (1984). *Research methods in education*. London: Croom Helm.
- Dreyer, C., & Oxford, R.L. (1996). Learning strategies and other predictors of ESL proficiency among Afrikaans in South Africa. Dlm. R. L. Oxford (pnyt.). *Language learning strategies around the world: Cross-cultural perspectives* (hh. 61-74). Honolulu: University of Hawaii, Second Language Teaching & Curriculum Center.
- Gay, L. R., & Airasian, P. (2003). *Educational research* (Ed ke-7). Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan. (2003). Perkaedahan pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Antara tradisi dan inovasi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3* (hh. 164-175).
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh, & Mohamed Amin Embi. (2009). Korelasi strategi dengan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24, hh. 109-123.
- Kamarul Shukri Mat Teh, & Mohamed Amin Embi. (2010). *Strategi pembelajaran bahasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Zamri Mahamod. (2009). Strategi metafizik: Kesenambungan penerokaan domain strategi utama Pembelajaran Bahasa. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 9(2), 1-13.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, & Zamri Mahamod. (2008). Hubungan Gender Dengan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama di Terengganu, Malaysia. *Journal of Learning & Instruction*, 5, 117-138.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Norasyikin Osman, & Siti Salwa Mohd Noor. (2013). *Hubungan tahap pencapaian bahasa Arab dengan strategi pembelajaran bahasa model kognitif dan social kognitif dalam kalangan pelajar UNISZA*. Laporan Penyelidikan Dana Universiti UDM/09/BR0018. Kuala Terengganu: UNISZA, Fakulti Bahasa dan Komunikasi.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational And Psychological Measurement*, 30(3), pp. 607-610.
- Kuntz, P. (1996). Students of Arabic: Belief about foreign language learning. *Al-Arabiyya*, 29, pp. 153-173.
- Lan, R.L. (2005). *Language learning strategies of EFL elementary school students in Taiwan*. Disertasi Ph.D. University of Maryland.
- Linamalini Mat Nafi. (2001). *Asalib iktisab maharah al-qiraah bi al-Arabiyyah fi Riyadh al-athfal bi Maliziya*. Tesis M.A. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak.
- MacIntyre, P. D. (1994). Towards a social psychological model of strategy use. *Foreign Language Annals*, 27(2), pp. 185-194.
- MacIntyre, P. D., & Noels, K. A. (1996). Using social-psychological variables to predict the use language learning strategies. *Foreign Language Annals*, 29(3), 373-386.
- Mastura binti Arshad, & Kaseh binti Abu Bakar. (2012). Penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab: Kajian di Pusat Asasi UIAM. Dlm. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)* (hh. 139-155). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohamed Amin Embi. (1996). *Language learning strategies employed by secondary school students learning English as a Foreign Language in Malaysia*. Ph.D thesis, School of Education, University of Leeds.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan* (Cetakan ke-5). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Daud. (2009). *al-Akhta' al-lughawi lada al-darisin al-malayuwiyyin: Dirasah tahliliyyah*. Kolokium siswazah pengajian Islam UKM peringkat kebangsaan.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2010). Kedudukan bahasa Arab di Malaysia. Diakses dari <http://www.myamla.org/files/icmm2010.papers/ICMM2010-p42.pdf>
- Muijis, D. (2004). *Doing quantitative research In Education with SPSS*. London, UK: Sage.
- Neuman, W. L. (1993). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Kamarulzaman Abdul Ghani, & Zawawi Ismail. (2006, Disember). Tahap Kemahiran Kefahaman Mendengar Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri. *Jurnal Teknologi*, 45(E), 83-98.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod, & Kamarulzaman Ab. Ghani. (2008). Motivasi pembelajaran kemahiran mendengar Bahasa Arab dan hubungannya dengan pencapaian pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 33, 3-18. Diakses dari <http://journalarticle.ukm.my/199/1/1.pdf>
- Nurazan Mohmad Rouyan. (2006). *Strategi pembelajaran bahasa dalam pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di KUSZA*. Disertasi Ijazah Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Oxford, R. L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. New York, NY: Newbury House.
- Rubin, J. (1987). Learners strategies: Theoretical assumptions, research history and typology. Dlm. A. Wenden & J. Rubin (Pnyt.), *Learner strategies in language learning* (hh. 15-29). Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Sekaran, U. (1992). *Research methdos for business: A skill- building approach* (Ed. Ke-2). New York, NY: Wiley.
- Soleh Mahjub Muhammad al-Tanqawi. (2011). Istiraatijiyat ta'allum maharah al-kalam lada al-darisiin al-maliziyyin. Diakses dari <http://www.iium.edu.my/irkhs/arabiclang/journal/ind>
- Zamri Mahamod. (2004). *Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan pengajaran bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.